

umc (Hello Kampus) ms: 26 Rabu 5/11/14



DAING NASIR IBRAHIM berpeluang bersama warga kerja UMP bergotong-royong menyediakan juadah masakan bubur asyura di pekarangan masjid UMP di Gambang, kelmarin.

200 kakitangan UMP jayakan program mengacau bubur asyura sempena Muharam

KUANTAN 4 Nov. - Universiti Malaysia Pahang (UMP) mengadakan program gotong-royong mengacau bubur asyura sempena sambutan awal Muharam yang berlangsung di pekarangan masjid universiti itu di Gambang dekat sini semalam.

Sebanyak 10 kawah bubur asyura disediakan hasil gotong-royong kira-kira 200 warga kerja UMP sempena program anjuran Pusat Islam dan Pembangunan Insan (Pimpin) dengan kerjasama Badan Kebajikan Staf Universiti (BKSU) dan Persatuan Wanita UMP (Matahari) itu.

Turut hadir pada majlis tersebut, Naib Canselor UMP, Profesor Datuk Dr. Daing Nasir Ibrahim, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Profesor Datuk Dr. Yuserrie Zainuddin dan Pemangku Pendaftar, Abd. Rahman Safie.

Sementara itu, Pengarah program, Md. Abdu Sahak yang merupakan Pegawai Hal Ehwal Islam UMP berkata, program yang julung-julung kali diadakan mengikut jabatan ini membolehkan mereka menyediakan bubur asyura mengikut resepi masing-masing untuk digahikan kepada warga kampus.

“Muharam adalah bulan istimewa

wa bagi umat Islam sebagai bulan pertama dalam kalendar Hijrah. Dalam bulan ini, selain berpuasa dan amalan sunat yang lain, sajian bubur asyura cukup sinonim dalam kalangan umat Islam di negara ini,” katanya.

Bagi memeriahkan program, pihak penganjur turut menyediakan hadiah bagi bubur asyura paling sedap dengan pemenang tempat pertama diraih oleh gabungan Bahagian Jaringan Industri dan Masyarakat (BJIM), Jabatan Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa, UMP Advanced Education dan Makmal Berpusat.